

20/06/2002

MT tidak terima usul tambahan

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Tertinggi (MT) Umno setakat ini tidak menerima sebarang usul tambahan daripada mana-mana bahagian untuk dibentangkan pada Perhimpunan Agung parti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari bermula esok akan hanya membentang dan membahaskan tiga usul yang sudah ditetapkan, iaitu usul terima kasih ucapan Presiden, pendidikan dan sosial serta agama.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mesyuarat satu setengah jam MT di ibu pejabatnya di sini malam ini, Dr Mahathir bagaimanapun tidak menjelas lanjut sama ada ada adanya usaha bahagian tertentu untuk mengemukakan usul tergepar.

Baru-baru ini, Umno bahagian Senai, Johor meluluskan usul undi tidak percaya terhadap Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad kerana dikatakan gagal menjaga kepentingan Melayu dalam bidang pendidikan.

Semalam, Dr Mahathir berkata tindakan itu tidak mengikut prosedur dan jika hendak dibawa ke perhimpunan agung sekalipun, terpulang kepada Pengerusi Tetap sama ada meluluskannya untuk dibahas.

Presiden Umno itu juga berkata, mesyuarat MT diberi taklimat oleh Pengerusi Tetap, Tun Sulaiman Ninam Shah mengenai perjalanan dan peraturan perhimpunan agung kali ini.

Mengenai dakwaan kononnya Konvensyen Umno Johor baru-baru ini meluluskan usul atau membuat ketetapan isu pendidikan berkisar kepada kuota dan penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran sains dan matematik, Dr Mahathir berkata ia tidak benar.

"Ini tidak benar, tidak ada sebarang keputusan dibuat oleh konvensyen Umno Johor," katanya.

Katanya, beliau mendapat laporan tiga pemimpin dari Johor, iaitu Menteri Besarnya, Datuk Abdul Ghani Othman, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Hishammuddin Tun Hussein bahawa ketetapan itu tidak ada seperti dilaporkan oleh sebuah akhbar tabloid.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT turut menerima laporan hasil Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno hari ini yang menyokong sebulat suara dasar kerajaan melaksanakan kemasukan 10 peratus kuota untuk bukan Bumiputera ke Maktab rendah Sains Mara (MRSM) dan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

Malah, katanya, Pemuda Umno memberi sokongan padu kepada Musa sebagai Menteri Pendidikan bagi melaksanakan keputusan MT dan kerajaan.

Menjawab pertanyaan, beliau berkata persidangan seumpama itu boleh membuat ketetapan untuk memberi sokongan tertentu.

Mengenai kempen memungut tanda tangan kononnya dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi membantah penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran sains dan matematik, beliau berkata ia cuma khabar angin.

Malah, katanya, Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Rahim Bakar menafikannya.

"Mana ada, ini cuma khabar angin yang disebarikan orang tertentu, berminat dalam berita sensasi," katanya.

(END)